



## JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA NEGERI PERAK

Aras 3 & 4, Menara SSM Ipoh Perak,  
Jalan Basco Kepayang 1,  
Basco Avenue@Kepayang,  
31400 Ipoh, Perak

No Tel : 605 - 246 2100  
Laman Web : <http://portalpp.anm.gov.my/perak>

Ruj. Kami: JANM.PRK.600-2/5/1 (2)

Tarikh : 29 Mei 2024

YBhg. Tan Sri Datuk Sri/ Datuk/ Dato' Tuan/Puan

### PEMAKLUMAN PEMAKAIAN JADUAL PELUPUSAN REKOD KEWANGAN DAN PERAKAUNAN 2023

Sukacita dimaklumkan bahawa Jawatankuasa Penyediaan Jadual Pelupusan Rekod Kewangan dan Perakaunan, Arkib Negara Malaysia telah selesai menyediakan dan mencetak buku Jadual Pelupusan Rekod Kewangan dan Perakaunan 2023 yang akan digunakan bagi tujuan pelupusan rekod-rekod kewangan dan perakaunan di kementerian, jabatan serta agensi yang terikat dengan Arahan Perbendaharaan (Pindaan 2023).

2. Jadual Pelupusan Rekod Kewangan dan Perakaunan Edisi 2023 ini disediakan bagi tujuan menambahbaik kandungan, tempoh pemusnahan dan tindakan pelupusan yang selaras dengan Arahan Perbendaharaan (Pindaan 2023).

3. Untuk pengetahuan YBhg. Tan Sri Datuk Sri/ Datuk/ Dato' Tuan/Puan, tarikh kuatkuasa pemakaian Jadual Pelupusan Rekod Kewangan dan Perakaunan 2023 ini adalah **SERTA MERTA** dan dengan ini penggunaan buku Jadual Pelupusan Rekod Kewangan dan Perakaunan edisi 2008 adalah terbatas. Sehubungan itu, pejabat awam hendaklah melaksanakan tindakan pelupusan bagi rekod kewangan dan perakaunan yang telah mencapai tempoh simpanan yang telah ditetapkan dengan merujuk pada Jadual Pelupusan Rekod Kewangan dan Perakaunan 2023.

4. YBhg. Tan Sri Datuk Sri/ Datuk/ Dato' Tuan/Puan, boleh merujuk kepada Jadual Pelupusan Rekod Kewangan Dan Perakaunan daripada laman sesawang Arkib Negara Malaysia ([www.arkib.gov.my](http://www.arkib.gov.my)) dan rujuk carta aliran permohonan pelupusan Arkib (Lampiran 1).

**"MALAYSIA MADANI"**

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

***"Memperkasa Budaya Inovasi Pendigitalan"***

Saya yang menjalankan amanah,

**NOORAKMAR BINTI HUSSIN A.M.P, C.A. (M), CPA (Aust.)**

Pengarah

Jabatan Akauntan Negara Malaysia Negeri Perak

Emel : [pneg\\_prk@anm.gov.my](mailto:pneg_prk@anm.gov.my)

Tel : 05 – 2462 115

## CARTA ALIR PERMOHONAN PELUPUSAN BERDASARKAN JADUAL PELUPUSAN REKOD KEWANGAN DAN PERAKAUNAN

